



**KENYATAAN AKHBAR
KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA**

**SITUASI SEMASA JANGKITAN PENYAKIT CORONAVIRUS 2019
(COVID-19) DI MALAYSIA
3 NOVEMBER 2020**

STATUS TERKINI KES DISAHKAN COVID-19 YANG TELAH PULIH

Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) ingin memaklumkan bahawa pada hari ini, Malaysia mencatatkan bilangan kes pulih COVID-19 sebanyak **875 kes**. Ini menjadikan jumlah kumulatif kes yang telah pulih sepenuhnya dari COVID-19 adalah **23,995 kes** (69.8 peratus daripada jumlah keseluruhan kes).

Pecahan kes yang sembuh adalah seperti berikut:

- Sabah (549 kes);
- Selangor (149 kes);
- Pulau Pinang (110 kes);
- Wilayah Persekutuan Labuan (20 kes);
- Johor (13 kes);
- Kedah (10 kes);
- Perak (9 kes);
- Negeri Sembilan (7 kes);
- Melaka (3 kes);
- Sarawak (2 kes);
- Kelantan (2 kes); dan
- Terengganu (1 kes).

STATUS TERKINI KES COVID-19 DI MALAYSIA

Secara keseluruhannya, sehingga 3 November 2020 pukul 12:00 tengah hari, sebanyak **1,054 kes baharu** telah dilaporkan menjadikan jumlah kes positif COVID-19 di Malaysia adalah sebanyak **34,393 kes**. Manakala, **jumlah kes aktif dengan kebolehjangkitan COVID-19 pula adalah 10,135 kes**.

Dimaklumkan pada hari ini, negeri Sabah mencatatkan jumlah sebanyak 678 kes (64.3 peratus) daripada keseluruhan kes positif harian. Sebanyak 310 kes (29.4 peratus) yang dilaporkan pula adalah berkaitan kluster-kluster penjara dan Pusat Tahanan Sementara (PTS). Daripada jumlah itu, Kluster Rumah Merah menyumbang sebanyak 229 kes (73.9 peratus).

Negeri-negeri di Lembah Klang pula mencatatkan 150 kes (14.2 peratus) daripada jumlah keseluruhan kes. Manakala, Wilayah Persekutuan (WP) Labuan pula mencatatkan 81 (7.7 peratus) kes positif pada hari ini. Kelima-lima negeri ini telah menyumbang sebanyak 909 kes (86.2 peratus) secara keseluruhan. Ini adalah berikutan lebih banyak saringan yang dijalankan di negeri-negeri yang masih berada dalam Perintah Kawalan Pergerakan Bersyarat (PKPB).

Ingin dimaklumkan daripada 1,054 kes baharu pada hari ini, terdapat **14 kes import yang mendapat jangkitan dari luar negara** yang melibatkan tiga (3) warganegara dan 11 bukan warganegara yang tiba dari negara:

- Korea Selatan (4 kes);
- Jepun (2 kes);
- Filipina (2 kes);
- Uzbekistan (1 kes);

- China (1 kes);
- Hong Kong (1 kes);
- Nepal (1 kes);
- United Kingdom (1 kes); dan
- Republik Maldives (1 kes).

Daripada 1,040 kes penularan di dalam negara, tujuh (7) kes merupakan pengunjung yang pulang dari Sabah. Ini menjadikan jumlah kes dilaporkan mempunyai sejarah perjalanan ke Sabah sejak 20 September 2020 adalah sebanyak 478 kes.

Perincian kes penularan COVID-19 dalam negara adalah seperti berikut:

- **Sabah: 678 kes**

- 290 kes daripada kluster- kluster sedia ada;
- 221 kes daripada saringan kontak rapat kes positif COVID-19;
- Satu (1) kes saringan *Severe Acute Respiratory Infections* (SARI); dan
- 166 kes daripada lain-lain saringan COVID-19.

- **Selangor: 124 kes**

- 61 kes daripada kluster- kluster sedia ada;
- 35 kes daripada saringan kontak rapat kes positif COVID-19; dan
- 28 kes daripada lain-lain saringan COVID-19.

- **Wilayah Persekutuan Labuan : 81 kes**

- 58 kes daripada kluster-kluster sedia ada;
- 15 kes daripada saringan kontak rapat kes positif COVID-19;
- Tiga (3) kes saringan pulang dari kawasan berisiko tinggi (Sabah); dan

- Lima (5) kes daripada lain-lain saringan COVID-19.
- **Negeri Sembilan : 71 kes**
 - 53 kes daripada kluster-kluster, termasuk 10 kes daripada kluster baharu iaitu **Kluster Cergas**;
 - 11 kes daripada saringan kontak rapat kes positif COVID-19; dan
 - Tujuh (7) kes daripada lain-lain saringan COVID-19.
- **Pulau Pinang : 35 kes** daripada kluster-kluster, termasuk dua (2) kes daripada kluster baharu iaitu **Kluster Permatang**.
- **Sarawak : 21 kes**
 - 13 kes daripada kluster-kluster sedia ada;
 - Tiga (3) kes saringan pulang dari kawasan berisiko tinggi (Sabah);
 - Satu (1) kes daripada saringan kontak rapat kes positif COVID-19; dan
 - Empat (4) kes daripada lain-lain saringan COVID-19.
- **Kedah : 12 kes**
 - 10 kes daripada kluster-kluster, termasuk satu (1) kes daripada kluster baharu iaitu **Kluster Permatang**;
 - Satu (1) kes daripada saringan kontak rapat kes positif COVID-19; dan
 - Satu (1) kes daripada lain-lain saringan COVID-19.
- **Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur : 10 kes**
 - Empat (4) kes daripada kluster-kluster sedia ada;
 - Tiga (3) kes daripada saringan kontak rapat kes positif COVID-19;

- Satu (1) kes saringan pulang dari kawasan berisiko tinggi (Sabah); dan
- Dua (2) kes daripada lain-lain saringan COVID-19.
- **Wilayah Persekutuan Putrajaya : Tiga (3) kes**
 - Dua (2) kes daripada kluster sedia ada; dan
 - Satu (1) kes daripada saringan kontak rapat kes positif COVID-19.
- **Perak : Dua (2) kes** daripada kluster-kluster sedia ada.
- **Johor : Satu (1) kes** daripada kluster sedia ada.
- **Melaka : Satu (1) kes** daripada saringan kontak rapat kes positif COVID-19.
- **Terengganu : Satu (1) kes** daripada kluster sedia ada.

Sehingga kini, terdapat **94 kes** positif COVID-19 yang sedang dirawat di **Unit Rawatan Rapi (ICU)**, di mana **32 kes** memerlukan bantuan pernafasan.

Daripada maklumat terkini yang dilaporkan ke *Crisis Preparedness and Response Centre* (CPRC) Kebangsaan, dukacita dimaklumkan bahawa terdapat pertambahan **12 kes** kematian berkaitan COVID-19. Justeru, jumlah kumulatif kes kematian COVID-19 di Malaysia adalah sebanyak **263 kes** (0.8 peratus daripada jumlah keseluruhan kes).

Ringkasan kes-kes kematian hari ini adalah seperti berikut:

Kes No. Kematian	Kes No.	Negeri	Jantina (Warganegara)	Umur (tahun)	Hospital	Latar Belakang
252	29756	Sabah	Lelaki (WN)	64	Hospital Queen Elizabeth	Penyakit kencing manis, darah tinggi dan penyakit jantung
253	30556	Sabah	Perempuan (WN)	58	Hospital Kudat	Penyakit kencing manis dan asma
254	31417	Sabah	Perempuan (WN)	44	Hospital Queen Elizabeth	Penyakit darah tinggi
255	31418	Sabah	Lelaki (BWN)	14	Hospital Queen Elizabeth	Tibi meningitis dan hidrosefalus
256	33007	Sabah	Perempuan (BWN)	61	Hospital Duchess of Kent	Penyakit kencing manis dan darah tinggi
257	33008	Sabah	Lelaki (BWN)	25	Hospital Duchess of Kent	-
258	34014	Sabah	Lelaki (WN)	82	Hospital Tawau	-
259	34015	Sabah	Lelaki (WN)	80	Hospital Queen Elizabeth	Penyakit darah tinggi, strok dan penyakit jantung
260	34016	Sabah	Perempuan (WN)	80	Hospital Queen Elizabeth	-
261	34017	Sabah	Perempuan (BWN)	70	Hospital Queen Elizabeth	-

262	20237	Sabah	Perempuan (WN)	47	Hospital Queen Elizabeth	Penyakit kencing manis, darah tinggi dan psoriasis
263	23399	Sabah	Lelaki (WN)	56	Hospital Queen Elizabeth	Penyakit kencing manis, darah tinggi, dislipidemia dan penyakit jantung

*WN merujuk kepada warganegara dan BWN bukan warganegara

KKM mengucapkan takziah kepada semua ahli keluarga mereka.

KLUSTER BATU DIISYTIHAR TAMAT

KKM ingin memaklumkan bahawa Kluster Batu telah tamat pada hari ini. Kluster ini melibatkan negeri Perak.

Sehingga 3 November 2020, seramai 1,174 orang telah disaring. Daripada jumlah ini, tujuh (7) kes dikesan positif COVID-19 dan baki 1,167 orang adalah negatif. Kadar positifiti bagi kluster ini adalah 0.60%. Tiada kes kematian dilaporkan dalam kluster ini.

DUA (2) KLUSTER BAHARU DILAPORKAN HARI INI

KKM ingin memaklumkan bahawa terdapat **dua (2) kluster baharu** telah dikenal pasti pada hari ini iaitu;

1. KLUSTER CERGAS

Kluster baharu ini melibatkan daerah Seremban di Negeri Sembilan. Kes indeks bagi kluster ini (iaitu kes ke-30751) telah dikenal pasti positif COVID-19 hasil saringan individu bergejala pada 29 Oktober 2020. Saringan kontak rapat telah mengesan sebanyak 11 lagi kes positif COVID-19. Kes-kes tersebut telah dimasukkan ke Hospital Rembau, Hospital Tampin dan Hospital Tuanku Ja'afar.

Sehingga 3 November 2020, 12 tengah hari, sejumlah 144 individu telah disaring, di mana:

- 12 kes dikesan positif COVID-19 (**10 kes baharu**);
- 126 individu dikesan negatif; dan
- Enam (6) individu masih menunggu keputusan.

2. KLUSTER PERMATANG

Kluster baharu ini melibatkan daerah Kulim di negeri Kedah serta daerah Seberang Perai Tengah, Seberang Perai Utara dan Timur Laut di negeri Pulau Pinang. Kes indeks bagi kluster ini (iaitu kes ke-34174) adalah kes *Severe Acute Respiratory Infections* (SARI) di sebuah pusat perubatan swasta dan telah dikenal pasti positif COVID-19 pada 31 Oktober 2020. Kes indeks kemudian dipindahkan ke Unit Rawatan Rapi (ICU), Hospital Pulau Pinang. Saringan kontak rapat telah mengesan sebanyak tujuh (7) lagi kes positif COVID-19. Kesemua kes telah dimasukkan ke Hospital Pulau Pinang.

Sehingga 3 November 2020, 12 tengah hari, sejumlah 97 individu telah disaring, di mana:

- Lapan (8) kes dikesan positif COVID-19 (**3 kes baharu**);
- 74 individu dikesan negatif; dan
- 15 individu masih menunggu keputusan.

NASIHAT KESIHATAN BERKAITAN COVID-19

KKM ingin menasihati orang ramai agar terus patuhi saranan serta nasihat-nasihat kesihatan yang sering ditekankan. Jadikanlah nasihat-nasihat ini satu kebiasaan baharu dalam kehidupan harian:

- **Elakkan 3S / 3C** : iaitu elakkan kawasan yang **sesak (*Crowded place*)**, elakkan kawasan yang **sempit (*Confined space*)** dan elak **sembang** atau bertutur dengan **jarak yang dekat (*Close conversation*)**.
- **Amalkan 3W** : iaitu kerap mencuci tangan dengan air dan sabun (***Wash***), memakai alat pelitup muka (***facemask***) di tempat awam yang telah diwajibkan oleh pihak Majlis Keselamatan Negara (MKN) mulai 1 Ogos 2020 atau jika bergejala (***Wear***), dan (***Warn***) iaitu amaran dari KKM yang lebih berkonsep peringatan seperti:
 - Elakkan bersalaman / bersentuhan termasuk melagakan mana-mana bahagian tubuh badan sebagai menggantikan cara kebiasaan bersalam;
 - Amalkan etika batuk dan bersin;
 - Dapatkan rawatan segera jika bergejala;
 - Duduk di rumah dan elakkan kunjung-mengunjung;
 - Lakukan aktiviti disinfeksi dan pembersihan di kawasan yang kerap disentuh.

Patuhlah kepada S.O.P sebagai normal baharu iaitu:

- **S** : Syarat-syarat seperti yang ditetapkan di bawah Perintah Kawalan Pergerakan Pemulihan (PKPP);

- **O** : Orang yang berisiko tinggi seperti kanak-kanak, bayi, warga emas dan orang kurang upaya (OKU) perlu dilindungi, individu tidak sihat dan bergejala dikehendaki segera menjalani pemeriksaan kesihatan;
- **P** : Penjarakan fizikal (*physical distancing*) sekurang-kurangnya 1 meter diamalkan pada setiap masa.

KKM akan terus memantau perkembangan kejadian jangkitan di dalam negara, dan juga luar negara melalui maklumat yang diperolehi daripada pihak Pertubuhan Kesihatan Sedunia (WHO). Orang ramai akan sentiasa dimaklumkan sebarang perkembangan terkini mengenainya. Begitu juga, KKM akan memastikan langkah pencegahan dan kawalan yang sewajarnya adalah dilaksanakan secara berterusan.

Sekian, terima kasih.

TAN SRI DATO' SERI DR. NOOR HISHAM ABDULLAH
KETUA PENGARAH KESIHATAN MALAYSIA

3 November 2020 @ 5.30 petang.

LAMPIRAN 1**BILANGAN KES COVID-19 MENGIKUT NEGERI DI MALAYSIA
(SEHINGGA 3 NOVEMBER 2020, JAM 12:00 TENGAH HARI)**

NEGERI	BILANGAN KES BAHARU *()	BILANGAN KES KUMULATIF
SABAH	678	16,873
SELANGOR	125 (1)	5,179
W.P. KUALA LUMPUR	22 (12)	3,092
KEDAH	12	2,140
NEGERI SEMBILAN	71	1,702
PULAU PINANG	35	1,073
JOHOR	1	917
SARAWAK	21	927
PERAK	3 (1)	522
W.P. LABUAN	81	673
PAHANG	0	395
MELAKA	1	313
TERENGGANU	1	210
KELANTAN	0	182
W.P. PUTRAJAYA	3	157
PERLIS	0	38
JUMLAH KESELURUHAN	1,054 (14)	34,393

*() adalah merujuk kepada kes-kes import

**Status Terkini Kluster Aktif Yang Mencatat Kes Positif Pada Hari Ini
(3 November 2020)**

Bil.	Kluster	Negeri	Daerah	Kes Baharu	Jumlah Kes	Jumlah Yang Disaring	Kes Aktif (Kes ICU)	Jumlah Sembuh	Jumlah Kematian
1	Rumah Merah	Sabah	Kota Kinabalu	229	404	1,431	404 (0)	0	0
2	Penjara Kepyau	Sabah	Kota Kinabalu, Papar, Penampang, Sipitang	44	1,760	3,896	1,119 (0)	641	0
3	Kaya	Negeri Sembilan, WP Kuala Lumpur & Putrajaya, Melaka, Selangor	Seremban, Port Dickson, Kuala Pilah, Lembah Pantai, Cheras, Kepong, Putrajaya, Melaka Tengah, Sepang, Klang, Kuala Langat, Kuala Selangor, Petaling, Hulu Langat	34	467	1,196	372 (0)	95	0
4	Saguking	WP Labuan	Labuan	33	295	3,523	196 (0)	98	1
5	Hentian	Selangor, WP Kuala Lumpur & Putrajaya,	Hulu Langat, Petaling, Sepang, Gombak, Cheras, Titiwangsa,	26	258	2,190	199 (0)	59	0

		Negeri Sembilan	Putrajaya, Seremban						
6	Bayan	Pulau Pinang, Kedah, Perak	Timur Laut, Barat Daya, Seberang Perai Utara, Seberang Perai Tengah, Seberang Perai Selatan, Bandar Baharu, Kubang Pasu, Kuala Muda, Kulim, Kota Setar, Kerian, Larut Matang & Selama	16	78	1,593	64 (2)	14	0
7	Penjara Reman	Pulau Pinang	Timur Laut	14	497	4,279	64 (0)	432	1
8	Titian	WP Labuan	Labuan	14	27	530	27 (0)	0	0
9	Gedong	Negeri Sembilan, Selangor, Johor, WP Putrajaya	Seremban, Port Dickson, Rembau, Petaling, Johor Bahru, Putrajaya	14	26	103	26 (0)	0	0
10	Benteng PK	Selangor	Klang, Kuala Langat	11	72	461	22 (0)	50	0
11	Greenhill	Sarawak	Kuching, Miri, Bintulu	10	62	692	54 (0)	8	0

12	Taman Bunga	Negeri Sembilan	Seremban, Kuala Pilah, Jelebu, Jempol	9	39	333	30 (0)	9	0
13	Penjara Seberang Perai	Pulau Pinang	Seberang Perai Selatan	8	287	4,640	108 (1)	179	0
14	Limbungan	WP Labuan	Labuan	7	48	383	41 (0)	7	0
15	Basung	Sabah	Kudat	6	73	683	51 (0)	22	0
16	Taman Laut	Selangor	Petaling	5	23	123	22 (0)	1	0
17	Titir	Sabah	Keningau	4	127	1,885	103 (0)	24	0
18	Bina Labuan	WP Labuan	Labuan	3	27	171	14 (0)	12	1
19	Usaha	Selangor, WP Kuala Lumpur	Klang, Petaling, Kuala Langat, Titiwangsa	3	23	32	23 (0)	0	0
20	Kolong	Sabah	Keningau	3	21	321	7 (0)	14	0
21	Wisma Saberka	Sarawak	Kuching	3	11	531	11 (0)	0	0
22	Tembok	Kedah, Perak	Kota Setar, Baling, Kuala Muda, Sungai Petani, Kubang Pasu, Padang Terap, Larut Matang & Selama	2	1,745	8,916	313 (5)	1,429	3

23	Utama	Selangor, Melaka, WP Kuala Lumpur	Gombak, Hulu Langat, Petaling, Kuala Selangor, Sepang, Alor Gajah, Lembah Pantai, Titiwangsa, Kepong, Cheras	2	248	1,198	47 (0)	201	0
24	Auto	Selangor, Negeri Sembilan, WP Kuala Lumpur & Putrajaya	Petaling, Klang, Kuala Langat, Sepang, Gombak, Hulu Langat, Kuala Selangor, Seremban, Titiwangsa, Putrajaya	2	120	1,173	27 (1)	93	0
25	PTS Tawau	Sabah	Tawau	2	106	1,671	103 (0)	2	1
26	Alma	Pulau Pinang, Perak, Kedah	Seberang Perai Tengah, Seberang Perai Selatan, Seberang Perai Utara, Kerian, Bandar Baharu, Kulim	2	43	803	17 (0)	26	0
27	Jernih	Negeri Sembilan	Seremban	2	17	117	15 (0)	2	0
28	Jalan Meru	Selangor, Johor, Kelantan, WP	Hulu Langat, Klang, Gombak, Petaling, Hulu Selangor,	1	143	1,136	33 (0)	110	0

		Kuala Lumpur, Pahang, Perak	Kuala Selangor, Johor Bahru, Batu Pahat, Kota Bharu, Titiwangsa, Lembah Pantai, Kepong, Cheras, Temerloh, Muallim						
29	Inai	Sabah	Kudat	1	63	120	20 (0)	43	0
30	Tenaga	WP Labuan	Labuan	1	58	126	58 (0)	0	0
31	Buntar	Kedah, Perak, WP Kuala Lumpur & Putrajaya, Johor, Selangor, Pulau Pinang	Kuala Muda, Kerian, Kinta, Larut Matang & Selama, Batang Padang, Hilir Perak, Kepong, Putrajaya, Batu Pahat, Johor Bahru, Petaling, Sepang, Seberang Perai Selatan	1	56	1,051	13 (1)	43	0
32	Kempas	Johor	Johor Bahru, Kulai, Pontian, Kluang, Tangkak	1	54	1,771	51 (0)	3	0
33	Cahaya	Selangor, Negeri Sembilan, WP Kuala Lumpur	Petaling, Tampin, Titiwangsa, Lembah Pantai, Kepong, Cheras	1	54	458	28 (2)	26	0

34	Highway	Sabah	Kota Belud	1	48	158	13 (0)	35	0
35	Makekar	Terengganu, Selangor	Kemaman, Dungun, Kuala Terengganu, Marang, Besut, Kuala Nerus, Klang	1	47	1,364	47 (0)	0	0
36	Baki	Sarawak, Perak	Kuching, Kinta	1	40	3,089	40 (0)	0	0